

SOALAN NO : 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

TARIKH : 1 APRIL 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) sejauh manakah keberkesanan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi musibah banjir yang melanda negara baru-baru ini; dan

- (b) berapakah jumlah kos kerugian pasca banjir yang ditanggung oleh pihak Kerajaan dan jumlah sumbangan dari pihak NGO dan orang perseorangan bagi maksud yang sama.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Apabila Monsun Timur Laut dijangka akan melanda negara, Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat pusat, negeri dan bahagian/daerah sebagai langkah persediaan awal.

Di peringkat Pusat, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) telah diadakan pada 13 Oktober 2014 yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Melalui Mesyuarat JPBP, semua keputusan dasar akan disampaikan kepada mesyuarat peringkat pelaksana di negeri dan daerah supaya kaedah persediaan dapat dibuat secara rapi dan menyeluruh.

Antara perkara yang dilaporkan dalam Mesyuarat JPBP adalah maklumat ramalan dan laporan penambah baikan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), laporan penambah baikan sistem amaran awal banjir oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan laporan penambah baikan sistem pengurusan pusat pemindahan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

MKN juga telah mengarahkan supaya agensi serta aset pengurusan banjir diletakkan dalam keadaan bersiap sedia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, wakil kerajaan negeri turut dijemput untuk menghadiri Mesyuarat JPBP bagi berkongsi maklumat mengenai persediaan jentera pengurusan banjir serta ramalan keadaan cuaca. MKN negeri turut

diarahkan untuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di negeri masing-masing bagi menyelaraskan persediaan di peringkat negeri dan daerah. Kesemua perancangan yang dilaksanakan ini adalah berpandukan kepada Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara (Semakan 2012).

Majlis Keselamatan Negara telah mengeluarkan surat makluman bertarikh 13 November 2014 kepada semua agensi yang berkaitan untuk mengaktifkan bilik gerakan banjir masing-masing bagi menghadapi bencana sepanjang musim tengkujuh 2014-2015 yang dijangka akan berakhir pada bulan Mac 2015.

Di negeri Kelantan, rekod cerapan hujan dari 14 hingga 24 Disember 2014 adalah sebanyak 944 mililiter. Cerapan ini adalah 30 peratus daripada jumlah cerapan sepanjang tahun iaitu 3,000 mililiter. Faktor ini ditambah dengan fenomena air pasang besar menyebabkan air naik dengan mendadak di Kelantan.

Ekoran dari kejadian banjir ekstrem ini, Kerajaan telah mengalami kerugian yang sangat besar. Seperti mana yang telah dimaklumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pengumuman Semakan Bajet 2015 lalu, kerosakan dan kerugian harta benda dan infrastruktur awam pada banjir 2014-2015 dianggarkan berjumlah RM2.9 billion.

Sumbangan kewangan yang diterima oleh Kerajaan dianggarkan berjumlah RM17.2 juta. Sumbangan kewangan ini adalah dari Kerajaan Brunei, Timor Leste dan Singapura. Selain itu, sumbangan barang

turut diterima daripada Kerajaan Jepun, Thailand dan China yang antaranya berupa set janakuasa, beras, set kit keluarga dan sebagainya.

Sekian. Terima kasih.